

SIARAN AKHBAR
18 Mac 2019

EKUINAS MEMPERLUAS PORTFOLIO DENGAN PELABURAN DALAM EXABYTES CAPITAL GROUP

Sorotan Penting: -

- Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) peroleh kepentingan awal sebanyak 40% dalam penyedia perkhidmatan pengehosan web dan awan terkemuka, Exabytes Capital Group ('Exabytes' atau 'Syarikat') bernilai RM44 juta dengan pilihan untuk meningkatkan pegangannya kepada 54%.
- Exabytes, yang dilancarkan pada 2001, telah meluaskan kedudukannya sebagai pemimpin pasaran domestik dan pesaing utama di Singapura dan Indonesia. Ia merupakan salah satu syarikat pengehosan web terkemuka yang mempunyai kehadiran dalam berbilang pasaran di Asia Tenggara dan berkhidmat kepada lebih 100,000 pelanggan, termasuk individu, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), syarikat tersenarai awam dan agensi kerajaan.
- Menerusi transaksi ini, Ekuinas akan dapat memanfaatkan daripada ekonomi internet global yang luas dan semakin berkembang yang kini bernilai USD3.5 trilion. Sebagai sebuah syarikat *enabling technology*, pasaran global bagi perkhidmatan pengehosan dijangka terus berkembang pada kadar 9% setahun, diterajui oleh tahap penembusan internet yang semakin meningkat dan pendigitalan perniagaan di seluruh rantau Asia Selatan. Sehubungan dengan itu, Exabytes bersedia untuk meluaskan perniagaannya di dalam negara dan juga serantau.

KUALA LUMPUR, 18 MAC 2019: Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) hari ini mengumumkan pemerolehan kepentingan awal sebanyak 40% dalam penyedia perkhidmatan pengehosan web dan awan terkemuka, Exabytes Capital Group ('Exabytes' atau 'Syarikat') bernilai RM44 juta dengan pilihan untuk meningkatkan pegangannya kepada 54%. Exabytes yang dilancarkan pada 2001 adalah salah satu syarikat pengehosan web terkemuka yang mempunyai kehadiran dalam berbilang pasaran di Asia Tenggara dan juga berkhidmat kepada lebih 100,000 pelanggan, termasuk individu, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), syarikat tersenarai awam dan agensi kerajaan.

Exabytes diasas berpandukan prinsip membantu PKS mengembangkan perniagaan masing-masing di atas talian. Kini, Syarikat tersebut ialah pemimpin pasaran di Malaysia dan berada di landasan untuk menjadi salah satu pesaing terbesar di Asia Tenggara bagi perkhidmatan pengehosan web dan awan.

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas berkata, "Kami sedang mengembangkan sayap kami dalam industri perkhidmatan. Seajar dengan mandat Ekuinas, kami akan melabur dan menggalakkan pertumbuhan syarikat tempatan berpotensi tinggi yang bersedia untuk mencapai skala lebih besar dan bersaing di peringkat serantau, atau peringkat global. Exabytes adalah

contoh terbaik sebuah syarikat yang berpotensi untuk menjadi pemimpin serantau yang boleh menjadikan Malaysia sebagai pusat tumpuan untuk perniagaan dan bakat. Menerusi Exabytes, Ekuinas akan dapat memanfaatkan daripada ekonomi internet yang berkembang pesat di peringkat global, yang kini bernilai USD3.5 trilion.

Pelaburan ini merupakan yang kedua bagi Ekuinas dalam perkhidmatan teknologi dan kami yakin dengan prospek Exabytes sebagai sebuah syarikat *enabling technology*. Exabytes adalah syarikat dominan dalam tiga (3) pasaran dan telah mencatat sejarah prestasi kewangan yang konsisten dan penambahan bilangan pelanggan tahun demi tahun. Diterajui oleh pengasasnya dan disokong oleh pasukan Pengurusan Kanan yang mantap dan berpengalaman, kami yakin bahawa Exabytes akan meneruskan trajektori pertumbuhannya memandangkan pasaran global bagi perkhidmatan pengehosan dijangka berkembang pada kadar 9% setahun, dipacu oleh tahap penembusan internet yang semakin meningkat dan juga pendigitalan perniagaan. Kami berharap untuk berganding bahu dengan usahawan Malaysia yang berpotensi tinggi untuk berkongsi wawasannya dalam membawa Syarikat ke fasa pertumbuhan yang seterusnya.”

Menguasai bahagian pasaran hampir 30% di Malaysia dan berbekalkan rekod pencapaian perkhidmatan kukuh selama 18 tahun, Exabytes dijangka berkembang maju seiring pertumbuhan industri. Sebagai sebahagian daripada rancangan jangka panjang Syarikat, dalam tempoh tiga (3) tahun lepas, Exabytes telah berkembang pantas menerusi penggabungan dan pemerolehan (M&A) yang membolehkannya meluaskan perniagaan dalam segmen berbeza di pasaran tertentu.

Mengulas mengenai kerjasama dengan Ekuinas, Kee Siak Chan, Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Exabytes, “Dengan sokongan daripada Ekuinas, kami berharap untuk menggiatkan rancangan untuk terus membina syarikat dan meluaskan perniagaan ke pasaran baharu di rantau Asia Tenggara. Kami akan menambah baik pendekatan tempatan kami terhadap perkhidmatan, teknologi dan pemasaran. Pendekatan ini ternyata berkesan dan telah membawa kami ke tahap ini sebagai salah sebuah syarikat awan terkemuka di rantau dengan pusat data bertempat di berbilang negara bersama kumpulan sokongan tempatan yang kukuh. Kami akan memanfaatkan jenama premium kami, terutamanya di Indonesia, untuk memacu pemerolehan pelanggan menerusi pemasaran dan meningkatkan nilai perkhidmatan yang lebih tinggi, serta meluaskan keupayaan dan penawaran kami dalam perkhidmatan awan dan pemasaran digital untuk terus mengukuhkan penyelesaian web kami yang serba lengkap.”

-Tamat-

Mengenai Ekuinas

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009 dan berhasrat untuk melahirkan syarikat terkemuka Malaysia generasi akan datang, sambil menggalakkan penyertaan ekonomi Bumiputera yang saksama, berkesan dan mampan. Setakat ini, Ekuinas telah mengusahakan pelaburan dalam syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi yang terlibat dalam sektor sasaran teras Ekuinas iaitu pendidikan, barangan pengguna laris, minyak dan gas, runcit, penjagaan kesihatan, dan perkhidmatan.

Hubungan Media:

Dau Ming Seling

Klareco Communications

M: +6017-888 2808

E: DSeling@klarecomms.com

Lok Ru Jun

Klareco Communications

M: +6012-325 6949

E: RLok@klarecomms.com